

# **PROGRAM HARI INOVASI TAHUN 2015**

## **Pengenalan**

Tema ‘Inovasi Dan Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan’ dikekalkan bagi tahun 2015 kerana tema ini amat relevan dan bertepatan dengan hala tuju JANM ke arah transformasi Sistem Perakaunan Kerajaan.

Ia juga selaras dengan visi JANM iaitu untuk menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.

## **Antara program Inovasi yang dijalankan pada tahun 2015 adalah:**

- Pertandingan *Walk Hunt* Hari Inovasi dan Integriti JANM
- Ceramah Inovasi dan Integriti
- Pertandingan Poster Inovasi dan Integriti
- Pertandingan Jom *Selfie* dan *Wefie* Integriti
- Lawatan Inovasi
- Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
- Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM

## **Pertandingan *Walk Hunt* Hari Inovasi dan Integriti JANM**

- Pertandingan *Walk Hunt* ini julung kali dianjurkan oleh JANM sebagai salah satu aktiviti sempena Hari Inovasi dan Integriti JANM. Pertandingan ini terbuka kepada warga JANM Ibu Pejabat. Penyertaan terdiri daripada 20 buah kumpulan yang melibatkan seramai 60 orang peserta. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Mohamad Azmi bin Ali, Timbalan Akauntan Negara (Operasi).
- Pertandingan ini berkonsepkan *Treasure Hunt* dengan permainan ala *Running Man*. Antara aktiviti yang diadakan adalah melengkapkan *jigsaw puzzle* dalam tempoh yang ditetapkan, menimbang dan menangkap guli, mendapatkan tandatangan daripada 3 orang Timbalan Pengarah Bahagian serta mengambil gambar *wefie* bersama nombor plat kereta seperti yang diberikan.
- Manakala aktiviti inovasi yang dijalankan adalah membuat binaan yang tinggi, kukuh, kompleks dan kreatif menggunakan surat khabar dan pita pelekat sahaja.

## Ceramah Inovasi dan Integriti

- Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM pada tahun 2015 turut diisi dengan penganjuran ceramah-ceramah bertemakan inovasi dan integriti yang melibatkan penceramah jemputan dari luar. Antara ceramah yang dianjurkan adalah seperti berikut:

Bil.	Ceramah	Tarikh dan Tempat	Penceramah Jemputan
1.	Ceramah Integriti “Ramadan: Hadirmu Meningkatkan Integritiku” dan Majlis Berbuka Puasa JANM Tahun 2015/1436H dengan kerjasama JHEAIN	26 Jun 2015 Surau JANM, Aras 6, JANM	Ustaz Mohd Safwan Syafiq bin Mohamad Idris (Hos Program ‘Adik Tanya Ustaz’ di TV3 & Program ‘Usrah’ di TV9)
2.	Ceramah Integriti bertajuk “Pegawai Berintegriti, Organisasi Berkualiti”	13 Okt 2015 Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM	YBhg. Dato’ Sri Hj. Zakaria bin Hj. Jaafar (Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM)
3.	Ceramah Ikon	22 Okt 2015 Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM	En. Norman bin Abdul Halim ( <i>Executive President &amp; Group CEO, KRU Group of Companies</i> )

## Pertandingan Poster Inovasi dan Integriti

- Bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM Tahun 2015, JANM telah merancang pelbagai pertandingan serta aktiviti inovasi dan integriti. Antaranya adalah Pertandingan Poster Inovasi dan Integriti JANM.
- Pertandingan ini telah diadakan pada 2 hingga 20 Mac 2015. Berikut merupakan senarai pemenang bagi pertandingan tersebut:
  - Tempat Pertama : **Mohd Hanafi bin Sanusi (JANM Sandakan)**
  - Tempat Kedua : **Nurul Ain binti Mohamad Bahari (BPPP)**
  - Tempat Ketiga : **Mohamad Faizul bin Abdul Manan (JANM Sandakan)**

## Pertandingan Jom Selfie dan Wefie Integriti

- Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD) telah dilantik sebagai urus setia pertandingan ‘Jom Selfie dan Wefie Integriti’ sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM tahun 2015. Pelancaran pertandingan ini telah dirasmikan oleh Akauntan Negara Malaysia semasa Perhimpunan Bulanan bulan Julai 2015 yang telah diadakan pada 13 Julai 2015.
- Bagi mempromosikan pertandingan ini, poster pertandingan telah diserahkan kepada semua Pengarah Bahagian oleh Akauntan Negara Malaysia semasa

majlis pelancaran. Selain itu, penanda buku (*bookmark*) turut diedarkan kepada para hadirin semasa perhimpunan tersebut. Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga telah dipilih berdasarkan undian tertinggi yang disahkan oleh juri yang dilantik.

### **Lawatan Inovasi**

- Beberapa lawatan inovasi telah diadakan dengan jayanya bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM. Lawatan inovasi ini bertujuan memberi pendedahan serta memupuk kesedaran terhadap budaya inovasi dan integriti di kalangan warga JANM.
- Antara lawatan yang diadakan adalah seperti berikut:

Bil.	Lawatan	Tarikh Lawatan	Penglibatan	Aktiviti Yang Dijalankan
1.	Penjara Wanita Kajang	8 Apr 2015	30 Pegawai JANM	Melawat bengkel jahitan, bengkel batik, kelas masakan dan salun kecantikan
2.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Kuala Lumpur	15 Apr 2015	Pegawai JANM	(i) Mendengar taklimat mengenai perkhidmatan yang disediakan seperti sewaan peralatan perfileman, penyewaan studio, latihan perfileman dan perkhidmatan kerja-kerja <i>post/final production</i> serta dana yang disediakan dalam penghasilan filem. (ii) Melawat studio audio, studio penggambaran dan studio animasi untuk melihat proses sesuatu filem dihasilkan.
3.	Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya	5 Ogos 2015	21 Pegawai JANM	Mendengar taklimat berkaitan perkhidmatan dan pencapaian IKN yang disampaikan oleh Pengarah IKN, Dr. Asmayanti binti Khalib
4.	<i>Malaysian Global Innovation and Creativity</i> (MaGIC), Putrajaya	5 Ogos 2015	26 Pegawai JANM	(i) Mendengar taklimat yang disampaikan oleh En. Alif Aiman mengenai latar belakang objektif serta program-program yang ditawarkan oleh pihak MaGIC. (ii) Melawat ke sekitar fasiliti MaGIC.

### **Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**

- Bengkel ini telah diadakan sebanyak dua (2) modul. Bengkel Modul I melibatkan dua (2) siri yang disertai oleh 31 kumpulan KIK JANM (daripada 38 kumpulan yang berdaftar) yang terdiri daripada Bahagian dan JANM Negeri/Cawangan. Melalui Bengkel Modul I ini, kumpulan telah diberi pendedahan asas berkaitan KIK daripada tenaga pengajar, Tuan Haji Baharin bin Yahya yang merupakan penerima Anugerah Mentor KIK Kebangsaan Tahun 2014.

- Bengkel Modul II pula adalah untuk memahami Skema Pemarkahan KIK agar bersedia mengikut garis panduan terkini daripada INTAN/MAMPU di samping menyemak buku projek KIK agar menepati garis panduan yang ditetapkan. Selain itu, bengkel ini juga mengajar teknik persembahan projek KIK yang terbaik agar kumpulan lebih bersedia semasa membuat persembahan di peringkat kementerian, negeri dan kebangsaan. Bengkel-bengkel ini telah diadakan seperti ketetapan berikut:

Bil.	Bengkel KIK	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
1.	<b>Modul I</b> Siri 1/2015 Siri 2/2015	23 – 26 Mac 2015 25 – 28 Mei 2015	IPN, Sabak Bernam IPN, Sabak Bernam	31 orang 46 orang
2.	<b>Modul II</b> Siri 1/2015 (Semenanjung Malaysia) Siri 2/2015 (Sabah, Sarawak dan W.P Labuan)	2 – 4 Sept 2015  17 – 18 Sept 2015	IPNCPD, Cyberjaya  INTAN Sarawak	40 orang  28 orang

### Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM

- Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM Tahun 2015 telah diadakan pada 11 November 2015 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM dengan tema, “**Inovasi dan Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan**”. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Irwan Serigar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.
- Bacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam telah diketuai oleh En. Azal bin Adzhar, Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP).